

Tunku Ismail dimasyhurkan Pro Canselor UTHM

BATU PAHAT 8 Julai – Tunku Mahkota Johor (TMJ), Tunku Ismail Sultan Ibrahim dimasyhurkan sebagai Pro Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar pada Majlis Konvokesyen Kesembilan universiti itu di sini hari ini.

Sultan Ibrahim bertitah, baginda percaya pelantikan itu akan membolehkan Tunku Ismail mempelajari selok-belok pengurusan dan pentadbiran universiti.

“Sukacita ingin saya maklumkan bahawa saya dengan ini memasyhurkan anakanda saya, Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor sebagai Pro Canselor UTHM berkuat kuasa serta-merta,” titah baginda merasmikan Konvokesyen Kesembilan UTHM di Dewan Tunku Ibrahim Ismail di sini hari ini.

Tunku Ismail yang dilahirkan pada 30 Jun 1984 di Johor Bahru merupakan anak sulung daripada enam beradik.

Tunku Ismail merupakan satu-satunya warga luar negara pertama yang dipilih mengetuai unit 61 Cavalry Regiment yang berpangkalan di Jaipur, India dengan pangkat Kapten sempena Hari Perarakan Republik India pada 26 Januari 2007.

Tunku Ismail sangat meminati sukan polo, berkemahiran tinggi menunggang kuda dan merupakan pemain polo dalam regimennya yang telah memenangi pelbagai trofi.